

07/08/1998

Polis tidak perlu rujuk menteri

IPOH, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, pihak polis tidak perlu mendapatkan kebenarannya untuk menahan sesiapa berhubung penerbitan buku '50 Dalil Mengapa Anwar tidak boleh Menjadi Perdana Menteri'.

"Itu bukan kerja saya. Kalau ada kes, mereka boleh ambil tindakan. Kalau nak rujuk saya, susahlah nak kerja," kata Perdana Menteri yang juga Menteri Dalam Negeri.

Menurutnya, tindakan hanya akan diambil terhadap penerbitnya apabila siasatan polis mendapati kandungan buku berkenaan tidak berasas sama sekali.

"Kita perlu tahu isi kandungan buku itu sama ada mempunyai asas atau tidak sebelum menentukan sikap kita.

"Jadi polis sedang menyiasat dan kalau kandungan buku itu tidak berasas, maka tindakan akan diambil terhadap penerbitnya," kata Dr Mahathir ketika diminta menjelaskan kenyataannya di Dewan Rakyat, Isnin lalu, di sini hari ini.

Dalam jawapan bertulis di Parlimen, Dr Mahathir berkata, tindakan mahkamah sedang difailkan bagi beberapa kes berhubung aduan mengenai buku itu.

(END)